

30 Oktober 2017

KENYATAAN MEDIA

oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

CADANGAN UNTUK PEMASANGAN PERANTI PENJIMATAN AIR BAGI SEMUA PROJEK PEMBANGUNAN BARU DI PULAU PINANG

- **Pemasangan mandatori peranti penjimatan air (WSD) menyokong dasar “Tiada Catuan Air” Pulau Pinang dan ke arah “Pulau Pinang yang Hijau dan Bersih”.**

PULAU PINANG, Isnin (30/10/2017): Peranti penjimatan air (WSD) menjimat air “secara automatic” harus dipasang di semua projek pembangunan baru di Pulau Pinang.

Langkah ini akan menyokong dasar “Tiada Catuan Air” Pulau Pinang dengan mengurangkan penggunaan air, terutamanya ketika musim kemarau. Pada masa yang sama, ia juga menyokong “Pulau Pinang yang Hijau dan Bersih” dengan mengekalkan kecukupan bekalan air dan mengurangkan pelepasan air kumbahan.

WSD termasuk kelengkapan paip, kepala pancuran mandian, kelengkapan tandas dan kelengkapan urinal.

- Penjimatan air paip dan kepala pancuran dilengkapi dengan pengawal selia aliran yang mengurangkan aliran air.
- Tangki penjimatan air mempunyai ciri-ciri seperti sistem "dwi siram" yang membolehkan “siraman separuh” (3 liter) dan “siraman penuh” (6 liter).
- Urinal penjimatan air dilengkapi dengan “*timer*” dan / atau “*spring*” yang meminimumkan penggunaan air ketika siraman.

Sila ambil perhatian bahawa WSD tersebut sudah digunakan di premis “mesra air” di Pulau Pinang, seperti tandas awam di pusat membeli-belah utama, serta beberapa kilang dan kompleks pejabat.

WSD lain termasuk mesin basuh dan mesin basuh pinggan mangkuk yang disahkan sebagai “mesra air”.

PENJIMATAN AIR “AUTOMATIK” YANG MEMUDAHKAN

WSD direka bentuk untuk menjimatkan air secara automatik, tanpa memerlukan pengguna mengubah gaya hidup hariannya dan tabiat penggunaan air. Penggunaan *basin*, bilik mandi dan tandas tetap sama, tetapi penggunaan air dikurangkan dengan setiap penggunaan.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) telah memasang pelbagai jenis WSD di bangunannya sejak tahun 2012. PBAPP mendapati bahawa WSD dapat mengurangkan penggunaan air dengan berkesan antara 14% dan 87%.

Sila rujuk kepada "Lampiran A" untuk jadual rumusan kajian PBAPP.

Pemasangan WSD telah diakui sebagai salah satu langkah pemuliharaan air yang paling berkesan di seluruh dunia. Negara-negara seperti Australia, Hong Kong, New Zealand, United Kingdom dan Amerika Syarikat mempromosikan WSD secara aktif. Di Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) memperkenalkan program pelabelan WSD secara sukarela.

CADANGAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

PBAPP telah mengemukakan cadangan rasmi kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang bertarikh 20 Oktober 2017.

Cadangan kami memohon pindaan kepada “Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (Negeri Pulau Pinang) 1986” untuk menjadikannya mandatori bagi pemaju semua projek pembangunan baru untuk memasang WSD dalam projek mereka.

Berikutan pindaan undang-undang kecil ini, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP) kemudiannya akan menguatkuasakan peraturan ini yang menggalakkan penjimatan air secara besar-besaran dan untuk jangka panjang di Pulau Pinang.

RASIONAL UNTUK PEMASANGAN WSD MANDATORI

Cadangan PBAPP untuk kuat kuasa pemasangan WSD wajib dalam semua projek pembangunan baru berdasarkan rasional berikut:

- Pulau Pinang adalah negeri yang kekurangan air dengan hanya satu sumber air mentah utama (Sungai Muda), dan pembalakan di Kawasan Tadahan Air Ulu Muda di Kedah menjejaskan kuantiti dan kualiti air yang terdapat dari Sungai Muda.
- Kerajaan Persekutuan telah menangguhkan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) dan ini meningkatkan risiko kekurangan air dengan penggunaan air yang semakin meningkat setiap tahun.
- Pulau Pinang perlu mengurangkan penggunaan domestik per kapita. Tahun lepas, Pulau Pinang mencatatkan 286 liter/kapita/hari (l/k/h), statistik penggunaan domestik per kapita tertinggi di Malaysia pada tahun 2016. Purata kebangsaan ialah 209 l/k/h.
- Perubahan iklim memberi kesan kepada taburan hujan dan ketersediaan air mentah dari Sungai Muda dan empangan di Pulau Pinang.
- Pulau Pinang adalah satu-satunya negeri yang telah mengeluarkan arahan "Tiada Catuan Air" untuk melindungi kepentingan rakyatnya dan perniagaan yang beroperasi di sini.

Pulau Pinang perlu terus mengelak berlakunya krisis air dan mengekalkan bekalan air mencukupi sehingga SPRWTS benar-benar wujud.

Pemasangan WSD akan menggalakkan budaya penjimatan air di Pulau Pinang secara automatik". Rakyat dan perniagaan boleh secara aktif menyumbang ke arah pemuliharaan air, tanpa perlu lakukan penyelarasan besar terhadap rutin dan gaya hidup.

Terima kasih.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

LAMPIRAN A:

“Penjimatan air”, seperti yang dicatatkan oleh PBAPP, berikutan pemasangan WSD di bangunan PBAPP sejak 2012.

Jenis Kelengkapan	SEBELUM (liter setiap minit)	SELEPAS (liter setiap minit)	% Penjimatan Air
Paip Basin	12 - 16	<i>Self-shutting type:</i> 2	83 - 87%
		<i>Tip touch type:</i> 6	50 - 63%
<i>Bib Tap</i>	12 - 15	5	58 - 67%
Kepala pancuran	14 - 20	12	14 - 40%
<i>Sink Tap</i>	12 - 18	6	50 - 67%